

**COVID-19 DAN SEKTOR
PELANCONGAN**

**NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI
SHAHRUL AMRI AB WAHAB
DR FARIDAH PARDI**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN
PERNIAGAAN
UiTM CAWANGAN NEGERI
SEMBILAN, KAMPUS REMBAU**

Kemunculan krisis kesihatan yang melanda seluruh dunia termasuk Malaysia memberi kesan langsung kepada banyak industri. Industri yang terkesan secara langsung akibat kehadiran Covid-19 adalah sektor pelancongan. Sektor pelancongan adalah antara penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), di mana pada tahun 2019, Malaysia menerima 26.1 juta pelancong dan mencatatkan RM86.14 billion perbelanjaan pelancong, sekaligus meletakkan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan pilihan para pelancong. Bermula dari wilayah Wuhan di China, penyebaran virus Covid-19 di seluruh pelusuk dunia sehingga sampai ke Malaysia. Apabila kes meningkat, Perdana Malaysia Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Perintah Pergerakan Perjalanan (PKP) bermula pada tanggal 18 Mac 2020. Sejak dari tarikh itu sekatan sempadan dan tiada pergerakan rentas negeri dibenarkan. Bermula episod mimpi yang ngeri bagi sektor pelancongan.

Sektor pelancongan adalah sektor dinyatakan sebagai sektor dinamik kerana ia begitu sensitif kepada persekitaran. "Bird Flu, Jerebu, SARS-CoV-2 antara situasi yang mana memberi kesan langsung terhadap aktiviti pelancongan. Kenapa sektor pelancongan terkesan? Aktiviti pelancongan melibatkan pergerakan dari satu lokasi ke lokasi yang lain. Apabila PKP dan penutupan sempadan terlaksana maka terhentinya pergerakan samada pelancong domestik atau mahupun pelancong antarabangsa. Ini memberi petunjuk kepada pemain industri apa yang bakal mereka hadapi kelak. Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 (TMM2020) yang dirancang

terpaksa dibatalkan akibat penularan Covid-19. Daripada berdasarkan data yang diperolehi dari Kementerian menunjukkan penurunan bilangan pelancong menurun sebanyak 78.6 peratus, di mana Malaysia hanya menerima 4.29 juta bilangan pelancong, pada tahun 2020. Situasi ini menyaksikan pendapatan pelancongan susut sebanyak 80.9 peratus kepada RM12.6 billion berbanding tahun 2019, pendapatan adalah sebanyak RM66.1 billion. Penurunan berterusan ini akibat dari penutupan sempadan bermula 18 Mac 2020. Bukan Malaysia sahaja yang terkesan tetapi Thailand, Indonesia, Vietnam dan Singapura juga turut mencatat penurunan yang sama iaitu melebihi 70 peratus disebabkan sekatan perjalanan antarabangsa yang dikuatkuasakan di negara masing-masing.

Apa yang perlu pemain industri lakukan? Hanya berpeluk tubuh? Biarkan perniagaan jatuh merundum tanpa ada apa-apa tindakan? Pemain industri adalah pihak yang terlibat secara langsung di dalam industri pelancongan. Pemain industri perlu berubah dan tidak boleh menunggu tanpa berbuat apa-apa. Dalam satu sesi webinar yang dilakukan oleh pihak Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) yang menjemput dua panel yang iaitu Encik Uzaidi Udanis, Presiden Majlis Pelancongan Malaysia dan Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Sesi webinar itu membincangkan Cabaran Covid-19 dan masa depan sektor pelancongan. Krisis kesihatan ini seakan memberi satu kejutan kepada semua pemain industri dalam menangani kadar penurunan pelancong, kekurangan inovasi produk, dan juga keengganan untuk bertukar kepada operasi secara digital. Semua sedia maklum apabila sempadan ditutup aktiviti pelancongan tidak rancak seperti dahulu. Ini adalah waktu yang terbaik bagi pemain industri melihat semula produk yang mereka tawarkan kepada pelancong adakah masih relevan untuk diketengahkan. Kemungkinan produk yang ditawarkan telah lapuk. Di mana produk pelancongan yang digunakan selama ini telah usang dan hilang daya tarikannya. Selain daripada itu, pemain industri perlulah berubah

kepada operasi berasaskan digital. Masih ada lagi yang tidak mahu berubah kepada operasi yang moden dan masih di takuk lama dengan mengekalkan cara operasi yang tradisional. Jika ingin bersaing di era digital ini, pemain industri perlu seiring dengan perubahan semasa.

Pelbagai usaha dirancang oleh Kementerian dalam membantu industri pelancongan. Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dalam webinar anjuran IDEAS mengatakan tentang penubuhan Majlis Tindakan Pemulihan Pelancongan (TRAC) bersama pelbagai pemegang taruh untuk memahami dan mengurangkan kesan wabak terhadap sektor pelancongan. Perancangan kementerian adalah dalam usaha untuk memulih dan menghidupkan sektor pelancongan di Malaysia. Di bawah pakej rangsangan ekonomi, PENJANA, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1 billion untuk membantu sektor pelancongan yang terkesan. Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bagi menggantikan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang bermula 10 Jun 2020, antara lain menyaksikan aktiviti pelancongan domestik dibuka semula kepada rakyat Malaysia. Ini sebenarnya dapat membantu pemain industri untuk mengubah pemasaran sedia ada bagi meningkatkan kepercayaan pelancong tempatan untuk menikmati perkhidmatan yang ditawarkan. Pelancaran kempen Penyemarakan Semula Pelancongan Domestik sebagai salah satu langkah pemulihan sektor pelancongan. Pemain industri perlu lah memainkan peranan dalam mempergiatkan lagi promosi kepada pelancong tempatan dengan menggunakan pelbagai platform sosial media sebagai medium untuk mewartakan tawaran kepada pelancong tempatan. Pemain industri perlulah menawarkan pengalaman yang terbaik kepada semua pelancong tempatan di mana pelancong tempatan meletakkan pengalaman adalah salah satu kriteria pemilihan sebelum menjalani aktiviti pelancongan. Pelancong tempatan menetapkan jangkaan pengalaman yang

terbaik dan pemain industri perlu peka dengan perkara ini. Oleh kerana itu, pemain industri perlulah memanfaatkan pelbagai subsektor seperti ekopelancongan, agropelancongan dan juga pelancongan sukan, yang mana subsektor ini menawarkan pengalaman yang lain daripada kebiasaan.

Selain daripada pengalaman, pelancong tempatan juga akan melihat pada kos dan masa sebelum membuat pemilihan. Jadi inilah peluang terbaik bagi pemain industri untuk melakukan modifikasi kepada produk yang mana telah mengambilkira kos, masa dan pengalaman pelancong. Sememangnya Pelan Pemulihan Pelancongan menfokuskan untuk merencanakan semula sektor berkenaan khususnya pelancongan domestik. Jadi pemain industri perlu lebih kreatif dan inovatif untuk menambat hati pelancong domestik. Dalam masa sama, pemain industri seharusnya meneruskan promosi produk pelancongan kepada pelancong antarabangsa walaupun hakikatnya kita sedia maklum pembukaan sempadan tidak ketahuan bila akan dibuka. Kementerian sememangnya menggalakkan promosi berterusan dilakukan kerana mahu memaklumkan kepada semua bakal pengunjung bahawasanya Malaysia adalah satu destinasi pelancongan yang selamat untuk dikunjungi. Promosi berterusan amat perlu kerana kita tidak mahu nanti apabila sempadan dibuka, baru tergedek-gedek hendaklah melakukan promosi. Ketika ini kita berharap pemain industri merangka dengan baik strategi jangka panjang yang perlu mereka lakukan untuk perniagaan mereka dan sentiasa berubah kepada keperluan semasa jika masih ingin wujud dalam sektor pelancongan.

Rujukan:

<https://www.sinarharian.com.my/article/74100/KHAS/Covid-19/Covid-19-Perintah-Kawalan-Pergerakan-di-seluruh-negara-bermula-18-Mac>

<https://www.sinarharian.com.my/article/113704/BERITA/Nasional/Kedatangan-pelancong-ke-Malaysia-merosot-786-peratus>

www.tourism.gov.my